

Istana Negara tak terbabit sebarang percaturan politik

PM sampaikan titah Seri Paduka mahu Kerajaan MADANI teruskan kerja urus negara

Oleh Mohamed Farid Noh dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, bertitah bahawa Istana Negara tidak akan terbabit dalam sebarang percaturan politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan titah itu disampaikan kepadanya ketika beliau diterima menghadap Seri Paduka di Istana Negara, semalam.

"Hari ini (semalam) seperti lazimnya, saya menghadap Yang di-Pertuan Agong, bagi menyembah maklum urusan kertas-kertas Kabinet esok (hari ini) dan turut mengulas beberapa perkembangan semasa.

"Baginda bertitah supaya saya selaku Perdana Menteri dan Kerajaan MADANI untuk meneruskan kerja mengurus negara.

"Baginda juga bertitah bahawa pihak istana tidak akan terlibat dalam sebarang percaturan politik," katanya menerusi hantaran Facebook selepas pertemuan itu semalam.

Dalam hantaran sama, Anwar berkata, seandainya ada cadangan mana-mana pihak untuk menyampaikan derma sebanyak RM500 juta atau RM750 juta, ia hendaklah disalurkan terus ke-



Anwar ketika diterima menghadap Seri Paduka di Istana Negara, semalam.

(Foto FB Anwar Ibrahim)

pada asnaf dan golongan miskin dalam negara.

Langkah Dubai tak berjaya

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata Langkah Dubai yang dikaitkan dengan usaha pembangkang menjatuhkan kerajaan ketika ini, diyakini tidak akan berjaya dilakukan.

Beliau berkata, ini berikutan ketika ini, Kerajaan Perpaduan dengan Anwar sebagai Perdana Menteri, mendapat sokongan 150

Ahli Parlimen ketika ini.

Katanya, laporan mendakwa pembangkang menerusi Langkah Dubai sudah mempunyai akaun bersumpah (SD) mencukupi, hakikatnya Akta Lompat Parti yang berkuat kuasa tidak memungkinkan ia berlaku.

"Walaupun ada ketua pemuda sebuah parti politik menyatakan bahawa dokumen sokongan lima Ahli Parlimen kepada PMX (Anwar) sebelum ini boleh dijadikan asas untuk menyokong seseorang menjadi Perdana Menteri yang baharu, saya berpan-

dangan itu tidak akan berlaku.

"Ini kerana kita ada 150 Ahli Parlimen yang menyokong Kerajaan Perpaduan dan PMX (Anwar). Maka, saya fikir elok mereka yang mempunyai angan-angan besar jadi PM atau partinya akan melonjakkan seseorang jadi PM, supaya jangan lagi buang masa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas taklimat banjir Kota Tinggi dan meninjau pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, semalam.

SPRM mahu soal siasat Sanusi dakwaan rasuah RM6j

Kuala Lumpur: Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor akan dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu siasatan dakwaan rasuah lebih RM6 juta membabitkan persatuan bola sepak.

Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri

Hishamuddin Hashim mengesahkan hal itu semalam.

Jumaat lalu, seorang ketua pegawai eksekutif bersama dua wakil perunding persatuan bola sepak di negeri utara antara empat ditahan reman tiga hari kerana disyaki meminta serta menerima rasuah bernilai lebih RM6 juta.